



# Y.B. DATO' YAZID MAT

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke-17 di Malaysia dan ditubuhkan pada tahun 2002 dengan nama asalnya adalah Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Pada tahun 2007 KUKUM telah dinaiktaraf sebagai UniMAP dan mula mengorak langkah dengan pelbagai kejayaan dan pencapai telah dicapai dalam bidang akademik, penyelidikan, kebudayaan, sukan dan pelbagai lagi bukan sahaja di peringkat kebangsaan malahan di arena antarabangsa.

Sejak lapan tahun menapak di bumi Perlis pelbagai perkembangan dan kemajuan dilaksanakan demi melahirkan modal insan kelas pertama sejarah dengan hasrat dan impian kerajaan Malaysia. Baru-baru ini UniMAP mengadakan wawancara eksklusif bersama Yang Berhormat Dato' Yazid Bin Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis di pejabatnya untuk sama-sama berkongsi pandangan dengan beliau mengenai pembangunan UniMAP di Perlis.

**UniMAP adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan antara yang termuda di Negara ini dan ia semakin berkembang. Sejauh mana YB Dato' mengenali UniMAP?**

Saya mengenali UniMAP sejak awal penubuhannya lagi yang ketika itu dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) pada tahun 2002 sehinggalah penjenamaan semula pada tahun 2007 sebagai Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Seingat saya ia mula di sebut atau diumumkan penubuhannya pada Julai 2001 sebagai IPTA negara yang ke-17 memberi pengkhususan dalam bidang kejuruteraan.

Pada pendapat saya UniMAP merupakan sebuah institusi akademik dan penyelidikan yang begitu bermakna kepada negara lebih-lebih lagi untuk negeri Perlis sendiri. UniMAP menyediakan tenaga manusia yang dilatih khusus dalam bidang akademik dan kejuruteraan untuk melibatkan diri dalam penyelidikan bagi menghasilkan produk-produk yang mampu bersaing di peringkat global dan global selaras dengan visi UniMAP. Saya percaya walaupun dalam jangka masa lapan tahun penubuhannya, UniMAP telah menunjukkan kemampuannya untuk

melahirkan modal insan kamil dan berguna untuk negara terutamanya dalam bidang kejuruteraan. Saya juga ingin berterima kasih kepada kerajaan persekutuan kerana meluluskan penubuhan UniMAP di negeri Perlis kerana dengan adanya UniMAP, keceriaan wajah Perlis telah banyak berubah tidak kira dari aspek pembangunan mahupun perkembangan ekonomi negeri.

**Kampus UniMAP dikenali sebagai 'Kampus Teragih' kerana keadaan pusat pengajian serta pusat pentadbirannya yang berada di setiap kawasan di Perlis. Apakah YB Dato' melihat kampus teragih turut membantu merancakkan kegiatan ekonomi di seluruh Perlis?**

Kewujudan UniMAP di negeri Perlis ini dilihat sangat membantu merancakkan kegiatan ekonomi kerana setiap pelajar yang datang ke negeri Perlis, masing-masing membawa wang. Para pelajar ini mempunyai keinginan dan keperluan untuk berbelanja mengikut kehendak masing-masing dan secara tidak langsung membuka ruang kepada rakyat Perlis untuk menjana pendapatan setempat.

Contohnya kita dapat saksikan dengan jelas di kawasan Wang Ulu yang sebelum ini agak terpencil dan kurang membangun. Kini kawasan itu penempatan lebih 2500 pelajar UniMAP dan dengan jumlah itu ia berjaya merubah lanskap di kawasan itu ke arah lebih ceria dan berkembang. Para penduduk sekitar juga dapat meraih keuntungan melalui perkhidmatan yang mereka tawarkan dan ini dapat merangsang peningkatan taraf hidup penduduk di Perlis. Selain itu juga, dengan wujudnya UniMAP banyak peluang pekerjaan dapat diisi oleh anak-anak Perlis tidak kira dari jawatan sokongan sehingga ke jawatan tertinggi dalam Universiti dan ini mengurangkan kadar pengangguran di Perlis.



# SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS

**Kewujudan UniMAP sudah pasti menjadi pemangkin ekonomi negeri ini. Sejauh mana YB Dato' melihat UniMAP sebagai agen pelonjak pembangunan di Negeri Perlis?**

Kehadiran sebuah institusi akademik di sesebuah negeri itu adalah satu kelebihan dan rahmat buat negeri itu kerana ia akan mendorong kepada pertambahan penduduk yang datang dari seluruh pelusuk negara ini selain para pelajar luar negara. Ini mendorong kepada pertambahan tempat kediaman. Secara menyeluruh saya melihat dari hari ke hari banyak pembangunan rumah kedai dan kawasan perumahan semakin pesat membangun. Perubahan pembangunan ini dilihat sangat drastik dan cepat. Selain itu juga, di mana-mana tempat yang kita pergi di negeri Perlis ini pasti kelihatan kampus UniMAP dan menunjukkan kewujudan UniMAP adalah salah satu faktor membantu melonjakkan sektor pembangunan di Perlis. Pelbagai kemudahan dan infrastruktur untuk kegunaan awam juga telah ditingkatkan. Situasi ini memberikan kesan yang baik terhadap pembangunan Perlis dan secara tidak langsung bandar Kangar kelihatan lebih ceria dan berkembang pesat.

**Kewujudan kampus tetap UniMAP di Ulu Pauh dilihat sebagai pemangkin pembangunan kawasan itu. Sejauh mana YB Dato' melihat masa depan Ulu Pauh yang sebelum ini boleh dianggap sebagai agak terpencil?**

Ulu Pauh adalah kawasan yang sangat hampir dengan sempadan negeri Kedah dan kawasan ini memang agak terpencil dan kurang membangun. Dengan kemudahan lebuhraya Kuala Perlis - Changlun, kawasan itu semakin membangun dengan wujudnya Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin seterusnya UniMAP dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Saya percaya dengan siapnya kampus tetap UniMAP yang sedang dibina akan merubah lanskap pembangunan di Ulu Pauh. Bermula dari saat itu akan lebih banyak lagi rumah-rumah kedai dan kawasan perumahan akan dibina dan akan dilengkapi dengan

pelbagai kemudahan infrastruktur demi memenuhi permintaan warga UniMAP, MRSM dan Politeknik. Saya percaya Ulu Pauh berpotensi menjadi sebuah bandar baru pada suatu ketika nanti. Keadaan yang sama juga akan turut berlaku di Sungai Chuchoh kerana UniMAP juga turut beroperasi di kawasan utara Perlis itu. Hal ini turut membantu merancakkan kegiatan ekonomi di sekitar Padang Besar. Dengan itu dapat membantu menjana pembangunan di Perlis dengan lebih cepat lagi.

*Sejak berdekad lamanya slogan Perlis sebagai "Negeri Ilmu" telah mula sebatи di kalangan rakyat Perlis ini. Apakah YB Dato' melihat kewujudan UniMAP ini menjadi pelengkap kepada industri ilmu di negeri ini dan seterusnya menjadi pemangkin pembangunan negeri?*

Para pemimpin Perlis suatu ketika dahulu dan Kerajaan negeri Perlis amat mengharapkan satu lonjakan dapat dihasilkan dalam bidang pendidikan. Dengan wujudnya UniMAP di Perlis ini merupakan pelengkap untuk menjadikan Perlis sebagai "Negeri Ilmu" atau "Hub Education" kerana di Perlis kini, kita sudah memiliki pelbagai Institusi Pengajian Tinggi. Tertubuhnya UniMAP membawa satu pembaharuan minda kepada masyarakat setempat di mana mampu mempengaruhi minda masyarakat Perlis ke arah menimbulkan kesedaran betapa pentingnya ilmu pengetahuan dalam setiap diri anak muda dan merangsang pertambahan golongan cerdik pandai di negeri Perlis. UniMAP mempunyai kelebihannya yang tersendiri iaitu merupakan kampus teragih di seluruh Perlis. Kelebihan ini menjadikan warga UniMAP lebih dekat dengan masyarakat dan mampu merangsang cambahan ilmu sesama masyarakat setempat dan dapat mempengaruhi pemikiran masyarakat akan pentingnya pendidikan terutamanya dalam bidang kejuruteraan.

Saya yakin keadaan persekitaran yang tenang dan mendamaikan ini mampu memberikan ketenangan jiwa kepada para pelajar dan sesuai dijadikan tempat

untuk menuntut ilmu. Saya percaya hasrat Perlis sebagai "Negeri Ilmu" amatlah bertepatan dan mampu menjadi pusat rujukan ilmu suatu hari nanti.


**UniMAP bukan sahaja melahirkan para jurutera cemerlang yang kini telah berada di pasaran, tetapi juga melahirkan para penyelidik yang berketrampilan sehingga ke peringkat antarabangsa. Apakah pandangan YB Dato' terhadap pencapaian UniMAP di arena antarabangsa?**

Sebagai sebuah Universiti yang melahirkan graduan cemerlang dalam bidang kejuruteraan, UniMAP tidak ketinggalan melakar kejayaan di peringkat kebangsaan dan arena antarabangsa. Kejayaan yang diraih ini membuktikan UniMAP semakin unggul dalam bidang penyelidikan. Bukan senang untuk melakar kejayaan di peringkat antarabangsa jika tidak mempunyai pengetahuan yang baik dalam bidang penyelidikan dan ini berjaya dibuktikan oleh para penyelidik UniMAP. UniMAP mampu bersaing di peringkat antarabangsa dan ini membuktikan para penyelidik UniMAP adalah kalangan mereka yang mempunyai pendidikan dan kepakaran yang tinggi dalam bidang Sains dan Teknologi sehingga mampu menghasilkan produk yang dapat bersaing seiring dengan produk universiti-universiti di luar negara.

Selain itu juga saya difahamkan teknologi dan peralatan yang digunakan UniMAP sememangnya terkini dan canggih ke arah menghasilkan graduan yang berdaya saing, selaras dengan kehendak pasaran selain mampu membuat satu anjakan buat graduannya kerana jurutera yang bakal dilahirkan UniMAP, di tangan mereka tersemat ilmu yang mampu mencorak hala tuju pembangunan negara pada masa hadapan. Saya juga turut berbangga dengan kepakaran, kejayaan dan kebolehan yang dimiliki oleh UniMAP kerana bukan sahaja dapat menaikkan nama universiti itu, bahkan mengharumkan nama Perlis juga.

**"Tertubuhnya UniMAP membawa satu pembaharuan minda kepada masyarakat setempat di mana mampu mempengaruhi minda masyarakat Perlis ke arah menimbulkan kesedaran betapa pentingnya ilmu pengetahuan dalam setiap diri anak muda dan merangsang pertambahan golongan cerdik pandai di negeri Perlis."**

**"Secara peribadi saya berharap bahawa UniMAP mampu untuk merealisasikan impian kerajaan, rakyat Malaysia khususnya rakyat Perlis untuk melangkah ke tahap yang lebih dinamik, maju bagi mencapai visinya sebagai sebuah institusi akademik dan penyelidikan yang terunggul bukan sahaja dinegaranya bahkan di peringkat antarabangsa khusus dalam bidang kejuruteraan."**



**UniMAP kini terbabit dengan kegiatan - kegiatan penyelidikan termasuk di sektor pertanian. Sejauh manakah harapan kerajaan negeri terhadap salah satu penyelidikan yang sedang dilakukan termasuk di sektor pembangunan mempelam harumanis?**

Sektor pertanian merupakan sumber pendapatan utama penduduk Perlis. Jika lumpuhnya sektor pertanian di Perlis maka lumpuhlah pendapatan penduduk di Perlis. Justeru itu dengan teknologi dan kemudahan yang dimiliki oleh UniMAP saya berharap agar UniMAP dapat membantu meningkatkan mutu pertanian di Perlis terutama dalam penanaman padi, pokok buah-buahan, sayur-sayuran, getah dan pelbagai lagi. Saya percaya dengan Stesen Penyelidikan Agroteknologi yang dimiliki UniMAP, pelbagai masalah terhadap tanaman seperti gangguan serangan, ulat dan penyakit dapat diselesaikan dan secara tidak langsung akan meningkatkan kualiti pertanian di Perlis. Perlis merupakan satu-satunya negeri pengeluaran mempelam harumanis dan hanya berbuah setahun sekali sahaja. Mungkin dengan teknologi yang digunakan UniMAP mampu menghasilkan buah mempelam harumanis yang mampu diperolehi sepanjang tahun.

**Walaupun UniMAP sebuah universiti kejuruteraan, namun UniMAP juga mempunyai slogan sebagai Juara Perpaduan dan telah lama menerapkan konsep 1 Malaysia. Apakah YB Dato' melihat UniMAP sebagai sebuah institusi yang berupaya menjana perpaduan?**

Saya melihat UniMAP sering menganjurkan program yang melibatkan masyarakat setempat, kebajikan,

pendidikan, sosial, keagamaan, kebudayaan, dan sukan. Program sebegini sudah tersirat unsur-unsur yang membawa kepada babit perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum kerana penganjuran bagi setiap program ini melibatkan penglibatan semua pelajar. Jadi pada pandangan saya bermula dengan program-program yang dianjurkan itu sudah menunjukkan budaya perpaduan dapat diterapkan di kalangan setiap pelajar dan mengakis segala sikap prejudis dalam diri pelajar UniMAP. Dengan perpaduan yang utuh di kalangan warga UniMAP, saya percaya konsep 1Malaysia yang dipelopori oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak akan dapat dicapai dengan mudah. Saya yakin UniMAP mampu menjadi sebuah institusi yang berupaya menjana perpaduan di kalangan pelajarnya.

Selain itu, melalui program-program kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh UniMAP, saya lihat mampu melahirkan pelajar yang memiliki nilai tambah yang baik bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi dari segi pergaulan dan komunikasi yang boleh dijadikan bekalan untuk menempah alam pekerjaan kelak.

**Apakah harapan YB Dato' terhadap masa depan UniMAP dan para graduan yang dilahirkan daripada universiti kejuruteraan ini?**

Sebagai Speaker DUN, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin di atas kecemerlangan beliau mentadbir UniMAP selama lapan tahun ini. Tanpa ilitzam, semangat juang yang tinggi dan usaha yang gigih tanpa mengenal erti jemu UniMAP pastinya tidak mampu berdiri setaraf hari ini. Secara peribadi saya berharap bahawa UniMAP mampu untuk merealisasikan impian

kerajaan, rakyat Malaysia khususnya rakyat Perlis untuk melangkah ke tahap yang lebih dinamik, maju bagi mencapai visinya sebagai sebuah institusi akademik dan penyelidikan yang terunggul bukan sahaja dinegaranya bahkan di peringkat antarabangsa khusus dalam bidang kejuruteraan.

Saya percaya UniMAP mampu membantu untuk memajukan negeri Perlis dalam semua aspek ke arah "Perlis Maju 2015". Saya yakin graduan UniMAP yang merupakan pewaris pembangunan negara mampu mencorak hala tuju pembangunan negara ke arah yang lebih pesat dan berdaya saing. Kepada graduan pula apa yang saya harapkan ialah berbanggalah anda sebagai pelajar UniMAP, kerana inilah universiti yang terbaik untuk anda ke arah mencorak jurutera yang berdaya saing dan mempunyai modal insan kamil.

Sidang Redaksi My UniMAP mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yazid Bin Mat di atas kesedian meluangkan masa untuk diwawancara. Semoga persepsi yang disuarakan oleh YB Dato' akan menjadi panduan kepada seluruh warga UniMAP.

